

**ISU PENDATANG TANPA IZIN : PERANAN MEDIA TERHADAP
KESEDARAN, PENGETAHUAN DAN SIKAP DI KALANGAN
MASYARAKAT DI MALAYSIA**

**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH:

**PROF. DR. HJ. BUKHORY HJ. ISMAIL
HJ ISMAIL SUALMAN**

JUN 2007

SURAT PENYERAHAN LAPORAN

Tarikh : 2007
No. Fail Projek : 120000050065

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam


YBhg. Prof.,

LAPORAN AKHIR PROJEK PERUNDINGAN PENYELIDIKAN :

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 1 (satu) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk **ISU PENDATANG TANPA IZIN : PERANAN MEDIA TERHADAP KESEDARAN, PENGETAHUAN DAN SIKAP DI KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. HJ. BUKHORY HJ. ISMAIL


Ketua
Projek Penyelidikan

DAFTAR AHLI PENYELIDIK

KUMPULAN PENYELIDIK

PROF. DR. HJ. BUKHORY HJ. ISMAIL

KETUA PROJEK



.....
Tandatangan

HJ ISMAIL SUALMAN

Ahli



.....
Tandatangan

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kerana meluluskan dana dalam menjalankan kajian ini terutamanya kepada :

- Dekan Fakulit Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA SHAH ALAM, Selangor.
- Rakan-rakan media dari Industri akhbar di Indonesia dan Malaysia.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Sesungguhnya sumbangan anda semua telah menambahkan khazanah ilmu dan pengajian dasar dan komunikasi demi pembangunan Negara tercinta.

Terima kasih

Okt. 07

ABSTRAK

Terdapat dua objektif dalam kajian ini. Pertama kajian ini melihat kesan terhadap pengetahuan, sikap dan tindakan terhadap isu PATI di kalangan masyarakat Malaysia. Kedua objektif kajian berkaitan dengan analisa isi kandungan terhadap akhbar Malaysia dan Indonesia terpilih. Skop kajian ini adalah tertumpu kepada pemaparan maklumat mengenai PATI yang disiarkan di media – televisyen dan radio dan akhbar. Kajian dijalankan pada bulan September hingga Disember, 2006. Tujuan utama kajian menganalisis laporan akhbar yang dikeluarkan oleh media cetak seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Harian Metro*, *The Star* dan *New Straits Times* di Malaysia dan akhbar *Kompas*, *Pikiran Rakyat*, *Media Indonesia*, *The Jakarta Post* dan *Suara Merdeka* berkaitan isu pendatang asing di Malaysia. Kajian ini juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tumpuan responden terhadap maklumat berkaitan dengan hubungan diplomatik, penghantaran pulang PATI ke Indonesia, dan maklumat kemasukan pendatang asing ke Malaysia. Manakala isu yang kurang diberi perhatian adalah berkaitan dengan jenayah berat yang dilakukan oleh PATI Indonesia. Kajian ini mendapati majoriti responden mengetahui mengenai masalah sosial yang dilakukan pendatang Indonesia di Malaysia dan isu dokumen diri PATI. Kajian ini mendapati rakyat Malaysia tidak mengetahui mengenai isu Pembantu Rumah Indonesia, dan tidak mengetahui mengenai isu penghantaran pulang PATI ke Indonesia, tidak mengetahui mengenai isu penguatkuasaan undang-undang berkaitan PATI. Majoriti responden bersetuju bahawa penghantaran pulang PATI Indonesia berjaya mengawal kemasukan Imigran ke Negara ini, dan menganggap prosedur kemasukan pekerja asing ke Malaysia patut diperketatkan. Mereka juga menganggap Malaysia tidak perlu terlalu bergantung kepada pekerja Indonesia sahaja untuk pembangunan Negara dan menyokong usaha Kerajaan Malaysia mengemaskinikan kemasukan Pendatang ke Malaysia. Hasil kajian ini juga mendapati isu pendatang asing sering dimuatkan dalam bahagian nasional, namun demikian kita tidak harus melupakan kepentingan lidah pengarang dan forum pembaca. Melalui kajian juga, dapatlah dijelaskan bahawa, kebanyakan media gemar mensensasikan isu-isu berbangkit terutamanya yang berkaitan dengan masalah sosial dan penguatkuasaan di mana ia secara tidak langsung akan membuatkan masyarakat mulai takut dan lebih berjaga-jaga untuk memastikan mereka tidak menjadi mangsa seperti yang dilaporkan akhbar. Secara keseluruhannya juga, kajian ini mendapati akhbar dari kedua-dua akhbar kedua-dua Negara memaparkan isu PATI secara seimbang dan positif. Oleh itu akhbar dilihat sebagai agen pembangunan dan bertanggungjawab dalam memaparkan sesuatu isu secara sihat, adil dan saksama.